

# SINDIKET JUAL IMPIAN

**M**odus operandi utama sindiket pemaju rumah murah ini ialah bersandarkan kepada menjual impian semata-mata.

Pengarah Unit Tindakan Khas Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), Muhammad Yusuf Azmi berkata, setakat ini terdapat 400 aduan polis dan lebih 100 masih menunggu giliran.

Paling menghibakan beliau ialah kebanyakan mangsa yang terperdaya putar belit pemaju kaki temberang ini tercinai daripada warga emas yang tinggal di kawasan kampung.

"Saya begitu tersentuh apabila yang datang mengadu itu makcik-makcik kampung yang ada tanah dan sangat mengimpikan rumah idaman mereka terbina namun semua hanyalah angan-angan kosong. Duit mereka hangus, pemaju hidup mewah.

"Jenayah seleweng duit orang ini lebih berat daripada membunuh, kerana jenayah tipu ini boleh menyebabkan orang membunuh diri dan bercerai-berai akibat terkejut, ini lebih berdosa," katanya kepada *Sinar Harian*.

Menurut aktivis pengguna yang telah mengabdikan diri selama tujuh tahun ini, PPIM bukan hakim untuk melemparkan tuduhan kepada pemaju yang kononnya mampu membina sebuah rumah idaman dengan kos rendah kepada golongan marhaen tetapi mereka didalangi *masamind* gila duit dengan menjual impian kepada golongan memerlukan.

"Kita dah buat kajian dan forensik sebenarnya modus operandi pemaju putar alam lebih kepada menjual harapan sedangkan projek yang diuar-uarkan itu tidak wujud pun.

"Ia lebih kepada sistem *multi level marketing*



(MLM) yang mensyaratkan ejen perlu cari seorang pembeli dengan harga RM50,000 kemudian cari lagi dua orang cukupkan RM150,000 untuk dia bina seunit rumah.

"Lebih teruk lagi, perkara ini tidak dimaklumkan langsung kepada pembeli, janji dan tawaran yang dihebahkan hanyalah palsu. Ada juga beberapa orang individu bergiat aktif dalam aktiviti ini, kerja dia buka tutup syarikat saja," dedahnya.

Muhammad Yusuf berkata, pihaknya ada mendapatkan maklumat daripada arkitek dan *Quantity Surveyor* (QS) nilai harga kos rumah RM110,000 tapi pemaju harus kira kos

pengurusan dan logistik serta keuntungan jadi biasa dijual dengan harga RM150,000 atau RM175,000.

"Ia yang pelik, bagaimana pemaju boleh jual dengan harga RM50,000? Ini jelas penipuan tidak masuk akal yang menjual impian

"Pembeli ini seharusnya diambil tindakan ke atas organisasi, pengurus syarikat harus diaudit oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

"Akaun peribadi, syarikat, akauntan, kakitangan harus diburu dan disemak. Ini bukan soal nilai duit namun ia lebih kepada harapan masyarakat yang mengimpikan rumah sebab sekarang ini harga rumah seluruh negara melambung tinggi, mereka ambil kesempatan atas kesusahan orang lain," katanya.

Tambah beliau, perjuangan PPIM dalam usaha menangani isu penipuan perumahan ini ialah menghentikan modus operandi syarikat pemaju pembongoh ini.

"Perkara ini memerlukan kerjasama bersepadu antara polis, LHDN dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk semak dan teliti kegiatan ini. Ejen putar belit ini juga makin bercambah.

"Saya tidak ada masalah jika pengasas syarikat pemaju itu hidup mewah jika itu hasil daripada titik peluhunya mencari rezeki halal. Tapi mereka tipu orang ramai, janji bulan

bingtan dan seleweng duit itu untuk kegunaan peribadi," ujarnya.

Dalam pada itu, Muhammad Yusuf turut meminta Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Tan Sri Noh Omar agar tidak mengambil hati atas kritikkannya dan tidak menganggap itu sebagai penghinaan.

"Saya cuma nasihatkan Tan Sri (Noh) untuk lebih berhati-hati pada masa depan dalam menerima pelawaan merasmikan sesuatu projek atau syarikat.

"Saya yakin niat beliau baik untuk melihat rakyatnya memiliki sebuah rumah dengan kos yang rendah. Tetapi, inilah perancangan licik syarikat-syarikat menipu guna kesempatan mencemarkan nama-nama orang berpengaruh ini.

"Jangan biar individu hanya bergelar datuk memanipulasi menteri untuk jalankan penipuan begitu besar," katanya.

## Harga rumah bawah RM20,000, siap dua minggu



MUNGKIN ada yang beranggapan tidak logik untuk bina sebuah rumah dilengkapi tiga bilik, ruang tamu, dapur dan bilik air dengan kos kurang daripada RM20,000 dalam tempoh dua minggu termasuk pemasangan air dan elektrik.

Namun, Projek Rumah Komuniti Parlimen Besut, Terengganu berjaya membuktikan kemampuan dan kepakaran menyediakan rumah mampu milik kepada penduduk miskin dan kurang kemampuan dengan kos rendah dan masa yang singkat.

Projek ini diilhamkan Menteri Pengejaan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh yang juga Ahli Parlimen Besut kerana mahu menyelesaikan masalah keliadaan rumah dalam kalangan penduduk miskin dan kurang mampu.

Pegawai Khas Datuk Seri Idris Jusoh yang juga penyelaraz projek pembinaan rumah komuniti ini, Mohd Radhi Hamzah berkata, bermula 2016 mereka menyiapkan 149 rumah hingga kini dan sasaran keseluruhan ialah 200 unit rumah menjelang penghujung tahun 2017.

"Mungkin ramai yang sangsi namun, sekumpulan pelajar Politeknik dan Kolej Komuniti Malaysia berjaya membuktikan mereka boleh membina rumah berkeluasan 600 kaki persegi itu dengan kos dan tempoh berkenaan. Dengan dibantu pensyarah selain berbekalkan kemahiran, mereka melakukan pembinaan 'luar biasa' itu di empat Dun Daerah Besut.

"Aplikasi teknologi Sistem Pembangunan Industri (IBS) diguna pakai dalam usaha merealisasikan impian golongan kurang berkemampuan untuk memiliki sebuah rumah sendiri," katanya kepada *Sinar Harian*.

Mohd Radhi berkongsi rahsia kos rendah bagi pembinaan ini adalah kerana tiada kos buruh.

"Ia dibina dengan semangat gotong-royong dan kesukarelawan serta kepakaran kolej komuniti, politeknik dan kontraktor kampung.

"Kita siapkan dalam tempoh seminggu, dan untuk pendawaian elektrik dan pemasangan paip air memakan masa dua minggu," ujarnya.

Katanya, pemilihan orang yang layak menerima bantuan rumah ini dipilih berdasarkan cadangan Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) berdasarkan kriteria paling miskin, ibu tunggal, orang kurang upaya (OKU), sebatang kara, keluarga besar yang susah.

"Rumah ini dibenarkan secara percuma kepada mereka dengan syarat mereka mempunyai tanah sebagai tapak rumah dan belum pernah memiliki rumah.

"Buat masa ini projek rumah murah ini cuma dibangunkan dalam Daerah Besut, namun sudah mendapat permohonan daripada Kerajaan Negeri Perak, Kedah dan Johor untuk memperluas pembinaannya di negeri lain," katanya.